

22 JUL 1996

Mahathir - Gaji

PM MINTA CUEPACS JANGAN PERTIKAI KENAIKAN ELAUN PEGAWAI JUSA

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan kenaikan beberapa elaun pegawai Gred Khas dan Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) amat adil serta meminta Cuepacs jangan mempertikaikan hak para pegawai itu untuk menikmati kenaikan.

"Saya ingat tak tinggi. Tak patutlah kalau kita naikkan gaji orang di bawah (sedangkan) yang di atas tak naik langsung.

"Kita kira apa yang kita dapat sudahlah. Macam mana kita tak suka orang masukkan pasir dalam kita punya periuk nasi, janganlah kita masukkan pasir dalam periuk nasi orang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hotel Nikko Kuala Lumpur di sini.

Beliau diminta mengulas bantahan Cuepacs terhadap pemberian insentif khas kepada pegawai perubatan, pegawai pergigian, jurutera, arkitek, juru ukur bahan dan akauntan berkuatkuasa 1 Jan 1996.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini berkata pemberian insentif khas itu merupakan usaha untuk menyekat pengaliran keluar golongan profesional daripada perkhidmatan awam.

Dr Mahathir berkata pemberian insentif itu tidak membabitkan komitmen kerajaan untuk jangka masa panjang kerana ia hanya berupa kenaikan elaun dan bukan kenaikan gaji.

Kenaikan itu juga membabitkan bilangan pegawai yang kecil (hampir 10,000 orang) berbanding pelarasan gaji untuk lebih 800,000 pegawai dan kakitangan kerajaan berkuatkuasa 1 Jan tahun lepas.

"(Yang) kita bagi elaun, dan elaun tak membabitkan pencen. Tetapi yang di bawah kita bagi kenaikan gaji yang melibatkan pencen. Selain itu, pegawai di peringkat bawahan juga mendapat elaun lebih masa," katanya.

Malahan, Perdana Menteri berkata, beliau bersedia untuk mencadangkan kenaikan elaun yang lebih tinggi kepada para pegawai Gred Khas dan JUSA itu kerana peranan mereka amat tinggi dalam menentukan kejayaan pembangunan negara.

Katanya kerajaan terhutang budi kepada mereka kerana segala dasar dan arahan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab walaupun gaji mereka tidak setanding dengan rakan-rakan mereka di sektor swasta serta pegawai kerajaan di beberapa negara lain, terutama Singapura.

Dr Mahathir berkata, kerajaan kini menghadapi masalah kehilangan para pegawai yang cekap akibat tawaran sektor swasta yang lebih lumayan.

Menurut beliau pegawai-pegawai yang masih berkhidmat dengan kerajaan adalah mereka yang setia.

"Jadi adakah orang yang taat kita tak bagi layanan langsung?" kata beliau.

Katanya terdapat juga sesetengah pegawai tinggi yang sanggup terus berkhidmat dengan kerajaan selepas bersara walaupun mereka boleh mendapat gaji lebih lumayan jika bekerja dengan sektor swasta. -- BERNAMA

AH MAI